KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	MINGGUAN			
TARIKH	:	9/1/2022 (AHAD)	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	PERHILITAN			



HARIMAU belang yang menyerang Anek Along ditembak mati pihak Perhilitan Kelantan di Kampung Sau, Pos Bihai, Gua Musang, Kelantan.

Harimau berkeliaran ancam penduduk

Oleh AIMUNI TUAN LAH
utusannews@mediamulia.com.my

GUA MUSANG: Lebih 30 keluarga Orang Asli di Kampung Sau, Pos Bihai di sini hidup dalam ketakutan selepas salah seorang penduduk di situ maut dibaham harimau belang semalam.

Walaupun harimau tersebut mati ditembak semalam, penduduk masih ketakutan kerana percaya terdapat sekurang-kurangnya 11 ekor lagi haiwan itu masih berkeliaran. Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Penghulu Kampung Sau, Alak Asu berkata, sejak 10 Disember lalu, penduduk pernah beberapa kali terserempak dengan tiga harimau merayau di Kampung Remau, Kampung Bayor dan Kampung Bujok.

Katanya, tragedi menimpa mangsa, Anek Along, 59, amat menyedihkan kerana berlaku ketika masyarakat Orang Asli suku kaum Temiar di situ sedang meraikan pesta menuai padi huma dan menangkap ikan.

"Sekarang penduduk sudah tidak berani keluar rumah untuk mencari hasil hutan dan sumber makanan. Diharap Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) memasang lebih banyak perangkap dan menangkap haiwan itu secepat mungkin, katanya.

Kata Alak, lebih membimbangkan, ada dalam kalangan harimau terbabit dilaporkan berkeliaran dekat dengan rumah penduduk.

Semalam, sambutan perayaan menuai padi dan menangkap ikan sungai masyarakat Orang Asli suku kaum Temiar di Kampung Sau bertukar tragedi apabila Anek ditemukan maut dipercayai dibaham seekor harimau belang. Dalam kejadian pukul 9.10 pagi mangsa, Anek Along, 59, yang dipercayai sedang menumbuk padi huma di belakang rumahnya, sebelum mayatnya ditemukan di dalam hutan.